

**TEKS UCAPAN
PERASMIAN PENUTUPAN**

**YAB DATO' SERI AMIRUDIN SHARI
MENTERI BESAR SELANGOR**

Sempena
**MAJLIS PERASMIAN PENUTUPAN
MODERN LANGUAGES OLYMPIAD 2.0**

Tarikh:
10 NOVEMBER 2023

Masa:
8.00 MALAM

Tempat:
DEWAN PLATINUM KOLEJ KEDIAMAN MELATI

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera

Terima kasih saudara Pengacara Majlis,

**SALUTASI TERKINI AKAN DIBERIKAN PADA HARI
PROGRAM**

1. Alhamdulillah syukur ke hadrat Allah Subhana Wata'alla kerana dengan keizinan-Nya dapat kita berkumpul di dalam Program '**Modern Language Olympiad (MLO) 2.0**'.

2. Ingin saya nyatakan bahawa, saya amat berbesar hati dan berbangga kerana dapat turut serta bersma tuan puan sekalian di dalam Dewan Platiun Kolej Melati pada malam ini. Terima kasih kepada UiTM atas kesudian menjemput saya bersama-sama untuk meraikan majlis yang amat bermanfaat ini.

3. Pada kesempatan ini, syabas *saya ucapkan* kepada Akademi Pengajian Bahasa, Bahagian Hal Ehwal Pelajar UiTM, Kementerian Pengajian Tinggi dan para penaja atas usaha murni dalam menjayakan program ini.

4. Tidak lupa juga, ucapan terima kasih kepada para peserta tempatan dan luar negara atas penyertaan serta sokongan yang diberikan dalam program MLO 2.0 yang telah dilaksanakan dengan jayanya.

Tuan-tuan dan puan-puan,

5. Saya difahamkan bahawa program **Modern Language Olympiad** ini merupakan program kali kedua yang telah dianjurkan oleh Akademi Pengajian Bahasa. Program ini juga merupakan satu program peringkat antarabangsa yang mencungkil bakat kemahiran berbahasa mahasiswa melalui pertandingan yang dianjurkan.

6. Penganjuran pertandingan di MLO 2.0 ini bukan sahaja dapat mempamerkan bakat, malah mampu melahirkan mahasiswa yang *Global Talent* dan bakal

menjadi pemimpin yang berani kelak. Hasilnya, kita dapat membina kemenjadian mahasiswa dalam bidang kebahasaan.

7. Seajar dengan dasar Memartabatkan Bahasa Melayu, Memperkukuh Bahasa Inggeris (MBMMBI), saya yakin program ini telah mencapai objektif yang telah digariskan. Bakat mahasiswa diasah dan digilap sebagai sebahagian proses pengalaman pembelajaran yang ditawarkan dalam sistem pendidikan negara.

8. Para peserta pastinya juga, telah memperoleh pengalaman yang amat berharga dalam membantu menyerlahkan keterampilan diri dan membentuk daya saing yang tinggi. Hal ini sekali gus, membolehkan para peserta bertindak secara aktif, kreatif dan kritis.

Hadirin sekalian,

9. Lakaran kejayaan yang dibina di pentas ini mampu membentuk jati diri yang berkualiti yang bakal melahirkan modal insan yang menyumbang kepada kemajuan negara. Seterusnya, menjadi inspirasi dan perangsang kepada mahasiswa yang lain agar meneruskan usaha untuk meningkatkan dan imej universiti masing-masing.

10. Dengan ada program sebegini, ia juga merupakan salah satu mekanisme untuk menggalakkan mahasiswa tempatan dan luar negara menyumbang dan berkongsi idea-idea kreatif antara satu sama lain di samping dapat merapatkan silaturrahim antara universiti.

Tuan-tuan dan puan- puan,

11. Saya mengharapkan agar kita semua berganding bahu untuk menjayakan program-program sebegini pada masa akan datang. Bersama-sama kita berdoa agar cita-cita dan hasrat yang telah dizahirkan ini akan diteruskan dengan jayanya. Insya-Allah.

12. Akhir sekali, saya mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan program ini. Saya yakin dengan usaha dan komitmen yang telah diberikan, akan terus cemerlang dan berada di tahap yang terbaik.

13. Dengan lafaz ***Bismillahirrahmanirrahim***, saya dengan ini merasmikan **Penutupan Program Modern Language Olympiad 2.0.**

Sekian. Wabillahitaufiq Walhidayah

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh